

BERITA HARIAN

DATE: 9 / 10 / 2008

Bukti keikhlasan Pak Lah

BH - 9/10/2008

Pemimpin BN hormati keputusan Perdana Menteri berundur

Oleh Norfatimah Ahmad, Anwar Hussin, Magendran Rajagopal, Nahar Tajri dan Khairul Azran Hussin

bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menghormati keputusan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tidak mempertahankan jawatan Presiden Umno dan akan berundur sebagai Perdana Menteri pada Mac tahun depan.

Mereka berkata, kesediaan Perdana Menteri untuk melepaskan jawatan itu menggambarkan keikhlasan beliau sepanjang bergelar ahli politik dan juga pemimpin negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting menyifatkan keputusan itu sebagai sesuatu yang sukar dilakukan oleh seorang pemimpin dan ia wajar dipuji.

"Ia satu keputusan yang sukar dilakukan oleh seorang pemimpin yang berada di peringkat tinggi seperti Abdullah dan MCA cukup menghormati keputusan beliau," katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, beliau terharu dengan keputusan Abdullah dan memberi sokongan penuh terhadap ketetapan itu.

"Saya menghormatinya dan saya sokong keputusan yang dicapai oleh kedua-dua pihak itu (Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak).

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan berharap kepu-



“Keputusan PM memberi kekuatan baru kepada BN”

Joseph Pairin Kitingan
Presiden PBS

tusan yang diambil oleh Perdana Menteri itu akan memberi kekuatan baru kepada BN.

"PBS menerima dan menghormati keputusan itu. Ia adalah satu pendirian yang dilakukan beliau atas sebab tertentu dan beliau ikhlas sebagai seorang pemimpin yang memimpin BN dan juga negara," katanya.

Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, Perdana Menteri banyak melakukan perubahan terhadap pelbagai agensi khususnya yang terabit dalam bidang penguatkuasaan, terutama polis.

"Kesungguhan itu wajar dipuji kerana agensi penguat kuasa adalah komponen penting terhadap sesebuah negara. Apapun, Gerakan



“Kami sokong Najib selaku pengganti menerusi proses peralihan kuasa”

VK Liew
Presiden LDP

menghormati komitmen terhadap semua perubahan dan semua pihak perlu menerimanya dengan terbuka," katanya.

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas menaruh harapan dengan keputusan yang dicapai itu akan membolehkan BN memenangi lebih banyak majoriti pada pilihan raya akan datang.

"Perdana Menteri sudah memberitahu keputusan beliau, jadi PPP menerima dan menghormatinya... keputusan itu adalah pendirian yang dilakukan oleh beliau atas sebab tertentu," katanya.

Presiden Parti Liberal Demokratik, (LDP), Datuk VK Liew, menyanjung tinggi keikhlasan Perdana Menteri



“Keputusan itu adalah pendirian yang dilakukan oleh beliau atas sebab tertentu”

M Kayveas
PPP

dan menyokong Datuk Seri Najib Razak selaku penggantinya menerusi proses peralihan kuasa yang lancar.

"Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Pak Lah kerana menjadi pemimpin liberal dan memberi ruang demokrasi berkembang subur di negara ini," katanya.

Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok menyifatkan keputusan yang diambil itu menggambarkan kematangan Perdana Menteri dalam politik.

"Ia mencerminkan perjuangan ikhlas beliau di dalam BN dan akan terus menjadi seorang pemimpin yang dihormati dan disanjung," katanya.